

**[IMPLEMENTATION OF CEFR A1 IN THE ‘MARHABAN: AL-LUGHAH AL-
‘ARABIYYAH 1’ MODULE PUBLISHED BY SULTAN AZLAN SHAH UNIVERSITY]**

**PELAKSANAAN CEFR A1 DALAM MODUL “MARHABAN: AL-LUGHAH AL-
‘ARABIYYAH 1” TERBITAN UNIVERSITI SULTAN AZLAN SHAH**

*Nurul Wardah Nazifah Razali
wardah_razali@usas.edu.my (Corresponding Author)
Pusat Bahasa dan Pengajian Asasi,
Universiti Sultan Azlan Shah*

*Muhammad Hafizzudin Zakaria
hafizzudinzakaria@usas.edu.my
Pusat Bahasa dan Pengajian Asasi,
Universiti Sultan Azlan Shah*

*Hawa Alias
hawaalias86@usas.edu.my
Pusat Bahasa dan Pengajian Asasi,
Universiti Sultan Azlan Shah*

Abstrak

The Common European Framework of Reference (CEFR) merupakan kerangka yang dibina untuk menggambarkan kecekapan dan penguasaan seseorang dalam sesuatu bahasa. Kerangka ini bukan sahaja digunakan untuk bahasa Eropah, malah digunakan juga dalam beberapa bahasa lain melalui pelaksanaan secara fleksibel dalam bahasa-bahasa lain. Antara pendekatan yang diambil bagi melaksanakan kerangka tersebut adalah melalui penghasilan bahan pengajaran berbentuk modul dan buku teks. Pelaksanaan tersebut dapat membantu memberikan kesedaran dari segi tahap pembelajaran dalam sesebuah buku bahasa. Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) telah menghasilkan sebuah modul *Marhaban: al-Lughah al-‘Arabiyyah 1* (MLA1) berdasarkan kerangka CEFR dengan tahap A1 CEFR. Bertitik tolak daripada perkara tersebut, kajian ini dijalankan untuk menganalisis pelaksanaan kerangka CEFR yang terdapat dalam *Marhaban: al-Lughah al-‘Arabiyyah 1* (MLA1). Kajian berbentuk kualitatif ini dijalankan melalui kaedah kepustakaan terhadap kerangka CEFR dan analisis kandungan terhadap MLA1. Perbandingan kerangka CEFR dengan kandungan MLA1 dilakukan melalui metode komparatif dan data analisis dibentangkan secara deskriptif. Kajian mendapati secara keseluruhannya, terdapat penyesuaian yang dapat dikenal pasti pada beberapa aspek iaitu aspek hasil pembelajaran, topik serta aktiviti dalam modul MLA1. Penyesuaian tersebut dapat dilihat pada persamaan konsep yang terdapat antara kerangka CEFR global dengan hasil pembelajaran modul MLA1. Selain itu, wujud juga persamaan antara cadangan aktiviti dan strategi komunikatif dalam kerangka CEFR A1, yang merangkumi aktiviti dan strategi produktif serta reseptif dengan aktiviti yang disenaraikan dalam MLA1. Modul ini menumpukan kepada empat kemahiran bahasa utama iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Modul ini juga memuatkan latihan yang pelbagai bagi setiap kemahiran dalam setiap topik. Dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan bagi pendidik untuk merancang pengajaran berdasarkan kerangka CEFR untuk pelbagai peringkat. Kajian ini turut menyediakan asas bagi kajian lanjutan terhadap keberkesanan penggunaan bahan pengajaran CEFR untuk pelbagai peringkat pendidikan.

Kata kunci: *The Common European Framework (CEFR); CEFR A1; Bahasa Arab; Modul bahasa Arab; Marhaban: al-Lughah al-‘Arabiyyah 1*

Abstract

The Common European Framework of Reference (CEFR) is a framework designed to measure an individual's proficiency and mastery in languages. This framework is not only used for European languages but has also been applied to various other languages through flexible implementation. One of the approaches taken to implement this framework is through developing teaching materials in the form of modules and textbooks. Such implementation helps ensure alignment of learning levels in a language textbook with the framework. Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) has produced the textbook Marhaban: al-Lughah al-ʿArabiyyah 1 (MLA1), which is designed according to the CEFR at the A1 level. In line with this initiative, the present study was conducted to analyse the implementation of the CEFR framework within the Marhaban: al-Lughah al-ʿArabiyyah 1 (MLA1). This qualitative study employed a literature review of the CEFR framework and a content analysis of the MLA1. A comparison between the CEFR framework and the contents of MLA1 was conducted using a comparative method, and the analysed data were presented descriptively. The findings indicate that, overall, several adaptations of the CEFR framework can be identified in the MLA1, particularly in the aspects of learning outcomes, topics, and activities. These adaptations are reflected in the alignment between the global CEFR concepts and the learning outcomes outlined in the MLA1 textbook. Additionally, similarities were found between the recommended activities and communicative strategies at the CEFR A1 level covering both productive and receptive skills and the activities included in MLA1. The textbook emphasises the four main language skills listening, speaking, reading, and writing and provides a range of exercises for each skill across all topics. The findings of this study may serve as a guide for educators in planning instruction based on the CEFR framework across different levels. Moreover, the study offers a foundation for further research on the effectiveness of CEFR-based teaching materials at various stages of education.

Keywords: *The Common European Framework (CEFR); CEFR A1; Arabic language, Arabic language module; Marhaban: al-Lughah al-ʿArabiyyah 1*

Article Received:

31 July 2025

Article Reviewed:

24 November 2025

Article Published:

5 December 2025

PENGENALAN

The Common European Framework (CEFR) merupakan sebuah kerangka standard piawaian pengajaran dan penilaian tahap penguasaan bahasa Inggeris yang diperkenalkan pada tahun 1990 oleh Majlis Eropah. Pembinaan kerangka CEFR bertujuan untuk mengatasi halangan berkomunikasi dalam kalangan tenaga profesional bidang bahasa disebabkan perbezaan sistem pendidikan di Eropah. Dengan berpandukan kepada kerangka CEFR, kesepakatan dalam penentuan sukatan pelajaran dan kriteria penilaian tahap penguasaan bahasa dapat dicapai dan diselaraskan (Council of Europe, 2001). Kini, pelaksanaan CEFR dalam pengajaran bahasa bukan sahaja terhad di negara-negara Eropah, malah turut dilaksanakan di negara-negara lain termasuklah Malaysia.

Di Malaysia, senario permasalahan adalah hampir sama dengan Eropah, iaitu berlakunya ketidakselarisan dalam penguasaan bahasa ibunda dan bahasa Inggeris yang merupakan bahasa kedua dalam kalangan pelajar. Permasalahan ini menyukarkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk merealisasikan aspirasinya iaitu melahirkan pelajar yang menguasai kemahiran berbahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan bahasa tambahan lain sehingga mampu berinteraksi dengan bebas (*independent proficiency*) yang menurut CEFR merupakan kebolehan berinteraksi dalam wacana sosial. Bagi mengimbangi masalah ketidakselarisan ini, standard kurikulum mata pelajaran bahasa diperkukuhkan menerusi pengadaptasian kerangka CEFR dalam pentaksiran penguasaan kemahiran bahasa (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013).

Bertitik tolak daripada hal tersebut, terhasil *English Language Education Reform in Malaysia: The Road Map 2015-2025*; satu pelan pendidikan bahasa Inggeris yang bersepadu bagi memperkukuh transformasi pendidikan bahasa Inggeris di Malaysia secara sistematik dan strategik (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013), seterusnya membawa kepada pelaksanaan CEFR terhadap bahasa Inggeris secara besar-besaran di Malaysia (Nurul Iza & Kaseh 2021). Pelaksanaan CEFR tidak terhad kepada bahasa Inggeris sahaja, malah turut melibatkan bahasa Malaysia seperti yang dinyatakan oleh KPM yang berhasrat untuk menjajar semula kurikulum dan pentaksiran bagi mata pelajaran bahasa Malaysia berdasarkan komponen penguasaan kemahiran bahasa CEFR iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013).

Pengadaptasian CEFR seterusnya diperluas terhadap pengajaran dan pentaksiran bahasa Arab. Hal ini dapat dilihat menerusi pembinaan buku teks sekolah yang berteraskan kepada komponen penguasaan empat kemahiran bahasa seperti yang digariskan CEFR. Selain di peringkat sekolah, pengadaptasian CEFR terhadap bahasa Arab dilihat turut mula dicadangkan di peringkat universiti, misalnya di Universiti Teknologi Malaysia (UiTM).

Selain institusi tersebut, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) juga turut tidak ketinggalan untuk mengadaptasikan kerangka CEFR dalam kerangka kursus bahasa Arabnya bagi memacu pengajaran dan penaksiran kursus tersebut yang diambil oleh sebahagian besar pelajar di sana. Rentetan itu, wujudnya keperluan mendesak terhadap pembinaan modul bahasa Arab yang komprehensif bagi mencapai objektif kursus bahasa Arab yang berteraskan kepada komponen penguasaan empat kemahiran bahasa seperti yang digariskan CEFR. Berikutan itu, usaha kolaboratif telah diambil oleh para pensyarah dan pihak terlibat bagi menerbitkan modul bahasa Arab berasaskan CEFR untuk kegunaan para pelajar di USAS. Maka terhasillah sebuah buah buku bahasa Arab iaitu *Marhaban: al-Lughah al-^cArabiyyah 1* (tahap A1 CEFR).

PERNYATAAN MASALAH

Kerangka CEFR telah mula dilaksanakan dalam pembelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di Malaysia menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025. Penetapan yang dilakukan ialah dari segi kemahiran dan kefasihan berbahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang perlu berada pada tahap *independent proficiency* seperti yang ditakrifkan CEFR.

Sejajar dengan penetapan tersebut, terdapat beberapa usaha pelaksanaan CEFR telah dilakukan dalam pembelajaran bahasa Arab. Antaranya ialah pembinaan buku teks bahasa Arab oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang digunakan secara meluas di peringkat sekolah menengah. Pihak UiTM juga mula mencadangkan pembelajaran dan pengajaran berpandukan kepada kerangka CEFR bagi bahasa Arab sebagai bahasa ketiga di universiti tersebut (Ibrahim et al., 2025).

Selain itu, USAS juga telah mengambil satu pendekatan menghasilkan modul bahasa Arab berpandukan kepada kerangka CEFR. Penghasilan dan penyusunan buku tersebut telah disesuaikan berdasarkan kriteria-kriteria yang diselaraskan dalam kerangka CEFR dan digunakan untuk beberapa kursus bahasa Arab berdasarkan tahap A1, A2 dan B1. Modul ini telah dibangunkan berdasarkan model ADDIE dan telah melalui penilaian kebolegunaan oleh dua orang pakar bahasa Arab dalam kalangan penutur jati dan dua orang pakar bahasa Arab dalam kalangan bukan penutur jati. Berdasarkan penilaian tersebut, modul ini selari dengan pendekatan CEFR dan sesuai digunakan untuk PdP bahasa Arab di USAS (Rahimah et al. 2024).

Talqis et al. (2020) menyatakan beberapa kekangan yang dihadapi dalam melaksanakan kerangka CEFR bagi pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab di Indonesia. Antara kekangan tersebut adalah penyediaan kurikulum mengikut standard antarabangsa berasaskan CEFR, penyediaan bahan pengajaran yang sesuai dan penyediaan tenaga pengajar yang memahami konsep CEFR.

Dedi Eko (2020) menyatakan beberapa syarat yang perlu dipenuhi dalam melaksanakan kerangka CEFR dalam pembelajaran bahasa Arab. Antaranya ialah penyediaan bahan pembelajaran dan juga media pembelajaran yang mengikuti perkembangan teknologi. Bahan pengajaran yang dibina berdasarkan kerangka CEFR akan mengelakkan berlakunya pengulangan kandungan yang dipelajari berpandukan kepada penyusunan CEFR yang telah disusun dan dipecahkan kepada enam tahap berbeza.

Habibur Rohman dan Faiq (2021) mengkaji tentang bahan pengajaran bahasa Arab yang berasaskan CEFR di MI Darussolihin Yogyakarta. Kajian menyatakan bahawa bahan pengajaran yang berpandukan CEFR tersebut layak digunakan dan efektif untuk meningkatkan kemampuan bahasa Arab pelajar. Namun, kajian juga menyimpulkan bahawa penggunaan bahan pengajaran tersebut belum sesuai dengan tahap kemampuan dan keperluan para pelajar tersebut.

Al-Jarf dan Mingazova (2020) melakukan penilaian terhadap buku teks bahasa Arab yang bertajuk "Arabic for Non-Native Speaking Children" untuk tahap 1 dan 2 yang dibina berdasarkan kerangka CEFR. Buku teks bahasa Arab tersebut digunakan di negara Rusia yang terdiri daripada penduduk bukan penutur bahasa Arab. Kajian mendapati kandungan buku teks tersebut tidak menepati kriteria pembelajaran dan pengajaran dalam kerangka CEFR terutamanya dari segi penumpuan kemahiran berbahasa. Kandungan teks tersebut hanya menumpukan kepada dua kemahiran sahaja iaitu kemahiran membaca dan menulis.

Kajian terdahulu menunjukkan berlakunya percanggahan antara prinsip dalam kerangka CEFR dengan kandungan buku yang dibangunkan (Al-Jarf & Mingazova, 2020). Walaupun modul MLA1 telah dibangunkan berasaskan model ADDIE dan disahkan mempunyai kebolegunaan yang baik dan selari dengan kerangka CEFR oleh pakar bahasa Arab dalam kalangan penutur jati dan bukan penutur jati, namun aspek pelaksanaan kerangka CEFR dalam modul ini masih belum dianalisis secara terperinci. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis pelaksanaan kerangka CEFR dalam modul *Marhaban: al-Lughah al-ʿArabiyyah 1* (MLA1).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif secara deskriptif dan komparatif. Kajian kepustakaan dilakukan terhadap dokumen-dokumen berkaitan kerangka CEFR serta kajian-kajian lepas yang relevan. Manakala, analisis kandungan dijalankan terhadap modul *Marhaban al-Lughah al-Arabiyyah 1* (MLA1) terbitan USAS Press dengan meneliti aspek struktur topik, hasil pembelajaran dan aktiviti kemahiran bahasa. Seterusnya, perbandingan dibuat terhadap kandungan kerangka A1 berdasarkan kategori produktif (kemahiran bertutur dan menulis) dan kategori reseptif (kemahiran membaca dan mendengar) seperti yang ditetapkan dalam dokumen CEFR. Data analisis pula akan dibentangkan secara deskriptif untuk mengenal pasti aspek yang telah diselaraskan dengan tahap A1 dalam CEFR.


Kerangka CEFR

The Common European Framework of Reference (CEFR) telah mula dibina antara tahun 1993 dan 1996 oleh *Council of Europe* rentetan daripada cadangan simposium antara kerajaan di bawah tajuk "*Transparency and Coherence in Language Learning in Europe*". Simposium berkenaan ketelusan dan kesepaduan dalam pembelajaran bahasa tersebut merupakan anjuran negara Switzerland pada tahun 1991 dengan matlamat untuk mencari kebolehlaksanaan dalam mengaitkan antara sesuatu kursus bahasa dan penilaiannya melalui satu kerangka yang sama.

Setelah melalui beberapa usaha dalam tempoh lebih kurang satu dekad, versi kerangka CEFR yang paling tersusun telah dikeluarkan oleh *Council of Europe* pada tahun 2001. Versi bahasa Inggeris bagi kerangka ini telah diterbitkan oleh *Cambridge University Press* (North, 2006).

Kerangka CEFR menyediakan satu asas yang sama bagi sesuatu bahasa dalam penyediaan silibus, garis panduan kurikulum, peperiksaan, buku teks dan sebagainya. Kerangka ini diuraikan secara menyeluruh dari segi apa yang perlu dipelajari untuk menggunakan sesuatu bahasa bagi tujuan komunikasi dan dari segi pengetahuan serta kemahiran yang perlu dibangunkan untuk digunakan secara efektif. Kerangka ini juga merangkumi konteks budaya sesuatu bahasa dan memberikan definisi bagi tahap penguasaan untuk membolehkan kemajuan berbahasa seseorang pelajar diukur pada setiap peringkat (Council of Europe, 2001).

Peringkat penguasaan bahasa dalam kerangka CEFR dibahagikan kepada tiga bahagian utama seperti berikut:



RAJAH 1 Peringkat Penguasaan bahasa berdasarkan kerangka CEFR

Sumber: Council of Europe (2001)

Setiap peringkat tersebut dibahagikan berdasarkan tahap penguasaan bahasa iaitu pada tahap pengguna asas (A), pengguna bebas (B) dan pengguna mahir (C). Kemudian, setiap tahap tersebut dibahagikan kepada dua bahagian iaitu A1 dan A2, B1 dan B2 serta C1 dan C2. Perincian setiap tahap penguasaan tersebut diringkaskan dalam jadual 1.2 dibawah:

JADUAL 1. Kerangka CEFR (Skala global)

Kategori pengguna	Tahap CEFR	Penerangan
Pengguna mahir	C2	Boleh memahami dengan mudah hampir semua yang didengari atau dibaca. Boleh meringkaskan maklumat daripada sumber lisan dan bertulis yang berbeza, membina semula hujah dalam pembentangan yang saling berkait. Boleh mengekspresikan diri secara spontan, sangat lancar dan tepat, membezakan makna yang lebih mendalam dalam situasi yang lebih kompleks.
	C1	Boleh memahami pelbagai permintaan, teks yang lebih panjang, dan mengenali makna tersirat. Boleh mengekspresikan diri dengan lancar dan spontan tanpa mencari ungkapan yang jelas. Boleh menggunakan bahasa secara fleksibel dan berkesan untuk tujuan sosial, akademik dan profesional. Boleh menghasilkan teks yang jelas, tersusun, terperinci mengenai subjek yang kompleks, menunjukkan

penggunaan terkawal bagi penyusunan, penyambung dan perancangan idea yang padu.

	B2	Boleh memahami idea utama bagi teks yang kompleks pada kedua-dua topik (konkrit dan abstrak), termasuk perbincangan teknikal dalam bidang pengkhususannya. Boleh berinteraksi dengan lancar dan spontan dengan penutur asli tanpa tekanan bagi mana-mana pihak. Boleh menghasilkan teks yang jelas dan terperinci mengenai pelbagai subjek dan menerangkan pandangan tentang isu topikal yang memberikan kelebihan dan kekurangan pelbagai pilihan.
Pengguna bebas	B1	Boleh memahami perkara utama sebagai input standard yang jelas tentang perkara biasa yang kerap ditemui di tempat kerja, sekolah, kegiatan masa lapang, dan sebagainya. Boleh menangani kebanyakan situasi yang mungkin timbul semasa mengembara di kawasan di mana bahasa itu dituturkan. Boleh menghasilkan teks bersambung yang ringkas mengenai topik yang biasa atau minat peribadi. Boleh menerangkan pengalaman dan peristiwa, impian, harapan dan cita-cita serta memberi alasan dan penjelasan secara ringkas untuk pendapat dan rancangan.
	A2	Boleh memahami ayat dan ungkapan yang kerap digunakan berkaitan dengan bidang yang paling relevan (contoh; maklumat peribadi dan keluarga yang sangat asas, membeli-belah, geografi tempatan, pekerjaan). Boleh berkomunikasi dalam tugas yang mudah dan rutin yang memerlukan pertukaran maklumat mudah dan langsung mengenai perkara biasa dan rutin. Boleh menghuraikan secara ringkas aspek latar belakangnya, persekitaran terdekat dan perkara-perkara dalam bidang keperluan segera (<i>immediate need</i>).
Pengguna asas	A1	Boleh memahami dan menggunakan ungkapan harian yang biasa dan frasa yang sangat asas dan bertujuan untuk memenuhi keperluan jenis konkrit. Boleh memperkenalkan dirinya dan orang lain serta boleh bertanya dan menjawab soalan tentang butiran peribadi seperti tempat tinggal, orang yang dikenali dan perkara yang dimiliki. Boleh berinteraksi dengan cara yang mudah dengan syarat orang lain bercakap dengan perlahan dan jelas serta bersedia untuk membantu.

Sumber: Ubah suai daripada *Council of Europe* (2001)

Selain daripada pelaksanaan kerangka CEFR yang dilakukan terhadap bahasa Eropah, kerangka ini turut dilaksanakan untuk bahasa-bahasa lain. Salah satunya adalah pelaksanaan CEFR terhadap bahasa Arab. Pelaksanaan tersebut bukan sahaja dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan menengah, malah juga dilaksanakan di peringkat universiti. Perkara ini merupakan rentetan daripada permintaan tinggi terhadap pembelajaran bahasa Arab di peringkat universiti yang berpunca daripada aspek politik yang berterusan dan perkembangan ekonomi di rantau Arab. Perkara tersebut menjadi salah satu sebab yang menyokong keperluan yang kuat

terhadap satu kerangka yang jelas untuk menetapkan matlamat pembelajaran dan menggariskan kecekapan bahasa Arab.

Kebanyakan institusi di United Kingdom lebih cenderung mengajarkan bahasa Arab berdasarkan tahap kemahiran mereka sendiri dan menggunakan istilah permulaan, pertengahan dan peringkat tinggi. Skala kemahiran secara umum tersebut menyukarkan majikan untuk menilai kemahiran bahasa seseorang graduan. Begitu juga apabila melibatkan perpindahan pelajar dari satu institusi ke institusi lain yang mempunyai penentuan skala kemahiran bahasa yang berbeza. Oleh yang demikian, pelaksanaan kerangka CEFR tersebut secara tidak langsung dapat berperanan sebagai kayu ukur terhadap kemahiran berbahasa bagi setiap graduan daripada universiti yang berbeza (Soliman, 2017).

Malaysia juga telah mula mengorak langkah dalam melaksanakan kerangka CEFR dalam pembelajaran bahasa Arab di pelbagai peringkat. Namun, perbincangan berkaitan pelaksanaan CEFR bagi bahasa Arab di Malaysia masih kurang diberikan penekanan dalam literatur tempatan.

MARHABAN: AL-LUGHAH AL-^cARABIYYAH 1 (MLA1)

Modul *Marhaban: Al-Lughah Al-'Arabiyyah 1 (MLA1)* merupakan modul yang dibangunkan hasil usaha kolektif pihak Jabatan Bahasa Arab, Pusat Bahasa dan Pengajian Asasi (PBPA), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Pembinaan modul ini adalah bagi menyahut seruan dan galakan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengaplikasikan kerangka CEFR dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab dalam kalangan pelajar mahupun orang awam. Oleh sebab kursus bahasa Arab merupakan antara kursus yang wajib diambil oleh hampir kesemua pelajar USAS, maka terhasillah modul MLA1 bagi memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran kursus bahasa Arab di USAS (Hawa & Muhammad Hafizzudin, 2021).

Modul ini dibina berpandukan kepada kerangka CEFR sebagai asas utama, namun telah diolah secara fleksibel agar bersesuaian dengan latar belakang pelajar dan hasil pembelajaran (HP) yang telah ditetapkan. Modul ini dibangunkan bagi tahap pemula (*basic user*) iaitu setara dengan tahap A1 CEFR, justeru pembelajaran bahasa Arab dalam modul ini lebih berkisarkan tentang kosa kata dan frasa harian mudah. Hasil pembelajaran yang telah ditetapkan bagi MLA1 ialah; i) pelajar mampu mendengar perkataan dan frasa harian serta memberi respons mengikut situasi (kemahiran mendengar dan bertutur), ii) pelajar mampu membaca maklumat asas menggunakan perkataan dan frasa harian yang mudah (kemahiran membaca) dan iii) pelajar mampu menulis maklumat asas menggunakan perkataan dan frasa harian yang mudah (kemahiran menulis) (Hawa & Muhammad Hafizzudin, 2021).

Modul MLA1 menekankan tentang proses menghubungkan pembelajaran bahasa Arab dengan diri pelajar, maka topik-topik yang dipilih juga berkisarkan tentang kehidupan seharian dan persekitaran mereka. Terdapat tujuh topik yang terkandung di dalam modul MLA1, iaitu; *At-Ta^caruf*, *Al-Usrah*, *Al-Sakan*, *Al-Hayat Al-Yawmiyyah*, *Al-Ta^cam wa Al-Sharab*, *Al-Dirasah* dan *Al-^cAmal*. Kesemua topik ini berkait rapat dengan diri pelajar bagi memudahkan mereka menghubungkan pembelajaran bahasa Arab dengan diri, kehidupan dan persekitaran mereka, lantas menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan lebih lama diingati.

Pemilihan kosa kata dan frasa harian mudah yang bertemakan persekitaran Malaysia dan Asia di dalam modul MLA1 memudahkan pelajar mengaitkannya dengan persekitaran setempat dan kehidupan seharian mereka. Secara tidak langsung, dapat membantu mereka mengingatnya dan mengaplikasikannya dengan lebih mudah.

Modul MLA1 turut menekankan aspek penguasaan kemahiran asas bahasa dalam hasil pembelajarannya yang merangkumi empat kemahiran bahasa, iaitu; i) mendengar (*Istima^c*), ii) bertutur (*Muhadathah*), iii) membaca (*Qira'ah*) dan iv) menulis (*Kitabah*). Setiap topik menggunakan enam kerangka pembelajaran yang menekankan empat kemahiran bahasa tersebut, iaitu; i) *al-Tamhid*; merangkumi pengenalan terhadap kosa kata dan frasa harian berkaitan topik, ii) *al-Istima^c*; merangkumi aktiviti dan latihan kemahiran mendengar, iii) *al-Muhadathah*; merangkumi aktiviti dan latihan kemahiran bertutur, iv) *al-Qiraah*; merangkumi

aktiviti dan latihan kemahiran membaca, v) *al-Kitabah*; merangkumi aktiviti dan latihan kemahiran menulis dan vi) *al-Qawā'id al-Lughawīyyah*; merangkumi rumusan kaedah asas bahasa Arab dan latihan yang diolah dan diterapkan dalam topik tersebut.

Setiap aktiviti dan latihan yang terkandung dalam MLA1 juga menekankan aspek yang berbeza berdasarkan kepada kemahiran yang ingin diasah. Bagi kemahiran mendengar, aspek yang dititikberatkan adalah mendengar, mengenal dan membezakan sebutan perkataan dan frasa harian serta memahami maknanya, manakala kemahiran bertutur pula memfokuskan kepada aspek memberi respons bersesuaian berdasarkan perkataan dan frasa yang diujarkan dengan sebutan yang betul dan jelas. Bagi kemahiran membaca, aspek yang ditekankan adalah menyebut, membaca dan memahami perkataan serta frasa harian yang diberikan dengan betul, jelas dan lancar, manakala kemahiran menulis pula memfokuskan kepada aspek mengeja, menyalin dan menulis perkataan dan frasa harian mudah dengan ejaan dan tulisan yang betul, jelas dan kemas.

Di samping itu, modul MLA1 juga turut menerapkan konsep pembelajaran berasaskan pengalaman. Pembelajaran berasaskan pengalaman menyediakan peluang kepada pelajar untuk memperoleh ilmu dan kemahiran terlebih dahulu, diikuti dengan pengaplikasian dalam situasi sebenar dan bersesuaian (Stephen Brookfield, 1983). Dalam konteks modul MLA1, pengulangan semula perkataan yang telah dipelajari pada bahagian *al-Tamhid* di setiap topik pada latihan dan aktiviti membantu pelajar mengukuhkan kefahaman dan ingatan mereka. Pengulangan perkataan ini menuntut pelajar untuk mengaplikasikan semula maklumat asas yang telah dipelajari sebelumnya berdasarkan situasi-situasi tertentu bagi mewujudkan pembelajaran yang bersifat dinamik dan progresif.

Modul ini turut dilengkapi dengan elemen-elemen multimedia agar relevan dengan senario pendidikan masa kini. Penggunaan audio melalui imbasan *QR code* bagi aktiviti kemahiran mendengar sangat membantu pelajar menyebut perkataan dan frasa Arab dengan betul. Selain itu, terdapat juga gambar dan ilustrasi menarik yang digunakan untuk menerangkan makna perkataan dan frasa harian yang dipelajari memandangkan modul MLA1 ini menggunakan bahasa Arab sepenuhnya tanpa diselangi dengan terjemahan bahasa Melayu. Penggunaan audio, gambar dan ilustrasi menarik bukan sahaja dapat membantu pelajar memahami pembelajaran, bahkan dapat mengurangkan berlakunya terjemahan langsung semasa proses PdP bersama guru, seterusnya dapat memaksimumkan penggunaan bahasa Arab dalam bilik kuliah.

Oleh sebab kandungan modul ini menggunakan bahasa Arab sepenuhnya tanpa diselangi dengan terjemahan bahasa Melayu, maka penggunaan modul ini berkonsepkan pembelajaran terbimbing iaitu pembelajaran secara berguru yang disusuli dengan pembelajaran sendiri. Pembelajaran secara berguru akan mendedahkan kepada pelajar tentang pengetahuan asas setiap topik berserta latihan praktikal secara langsung bersama guru dan rakan semasa proses PdP berlangsung di dalam bilik kuliah. Hal ini penting terutamanya bagi pelajar yang baru sahaja ingin berjinak-jinak dengan bahasa Arab agar mereka dapat mempelajarinya dengan mudah. Manakala pembelajaran sendiri pula berlaku apabila pelajar melaksanakan aktiviti dan siri latihan yang terkandung di dalam setiap topik di luar sesi PdP bagi mengukuhkan lagi kefahaman dan ingatan mereka terhadap pembelajaran sebelumnya.

ANALISIS PELAKSANAAN KERANGKA CEFR A1 DALAM MODUL MARHABAN: *AL-LUGHAH AL-^cARABIYYAH 1 (MLA1)*

Analisis pelaksanaan kerangka CEFR A1 dalam modul MLA1 ini dilakukan dengan meneliti tiga aspek berikut iaitu hasil pembelajaran, topik dan aktiviti kemahiran bahasa:

1. Hasil pembelajaran

Terdapat tiga hasil pembelajaran yang akan dicapai melalui penggunaan modul ini iaitu:

- i. Pelajar dapat mendengar perkataan dan frasa harian serta memberi respon mengikut situasi (kemahiran mendengar dan bertutur).
- ii. Pelajar dapat membaca maklumat asas menggunakan perkataan dan frasa harian yang mudah (kemahiran membaca).
- iii. Pelajar dapat menulis maklumat asas menggunakan perkataan dan frasa harian yang mudah (kemahiran menulis).

Berdasarkan perbandingan, pembentukan ketiga-tiga hasil pembelajaran tersebut dilihat dibentuk berdasarkan susunan kemahiran bahasa dan juga berdasarkan kerangka CEFR bagi A1 iaitu (Council Of Europe, 2001: 24) :

Can understand and use familiar everyday expressions and very basic phrases aimed at the satisfaction of needs of a concrete type. Can introduce him/herself and others and can ask and answer questions about personal details such as where he/she lives, people he/she knows and things he/she has. Can interact in a simple way provided the other person talks slowly and clearly and is prepared to help

Merujuk kepada penerangan kerangka CEFR A1 tersebut, secara umumnya, kerangka tersebut menumpukan kepada ungkapan harian dan frasa mudah untuk berinteraksi. Pelaksanaan kerangka A1 tersebut dapat dilihat melalui hasil pembelajaran yang dibentuk di dalam modul MLA1. Hasil pembelajaran MLA1 tersebut disesuaikan dengan kerangka CEFR A1 dan dibentuk secara khusus kepada empat kemahiran bahasa.

2. Susunan topik

Modul MLA1 dibahagikan kepada tujuh topik iaitu:

JADUAL 2 Pembahagian topik di dalam modul MLA1


Bil.	Topik	Penekanan topik
1	<i>At-Ta'aruf</i> (Suai Kenal)	- Pengenalan kosa kata dan frasa mudah yang lazim digunakan dalam situasi perkenalan.
2	<i>Al-Usrah</i> (Keluarga)	- Pengenalan kosa kata dan frasa yang berkaitan dengan ahli keluarga, aktiviti yang dilakukan dan beberapa bahagian utama dalam rumah.
3	<i>Al-Sakan</i> (Kediaman)	- Pengenalan kosa kata dan frasa yang berkaitan dengan jenis-jenis kediaman, bahagian dalam sesebuah kediaman, kelengkapan dan perabot rumah.
4	<i>Al-Hayat Al-Yawmiyyah</i> (Kehidupan Sehari-hari)	- Pengenalan kosa kata dan frasa yang berkaitan dengan aktiviti dan perbuatan harian yang dilakukan oleh seseorang individu.
5	<i>Al-Ta'am wa Al-Sharab</i> (Makanan & Minuman)	- Pengenalan kosa kata dan frasa yang berkaitan dengan makanan dan minuman asas dalam kehidupan sehari-hari.
6	<i>Al-Dirasah</i> (Pengajian)	- Pengenalan kosa kata dan frasa yang berkaitan dengan situasi pengajian di sekolah atau universiti.
7	<i>Al-'Amal</i> (Pekerjaan)	- Pengenalan kosa kata dan frasa yang berkaitan dengan kerjaya, tugas, bidang dan tempat kerja.

Sumber: Hawa & Muhammad Hafizzudin (2021)

Pemilihan topik-topik pada jadual 2 didapati bersesuaian kerangka CEFR A1. Perkara ini merujuk kepada kenyataan “*can understand and use familiar everyday expressions and very basic phrases aimed at the satisfaction of needs of a concrete type*”. Berdasarkan kenyataan tersebut, melalui kerangka CEFR A1, pelajar dapat memahami dan menggunakan ungkapan yang biasa digunakan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, topik-topik yang dipilih tersebut merupakan topik yang sering digunakan dalam perbualan harian. Tema kandungan dan perkataan yang dipilih pula merangkumi persekitaran Malaysia dan Asia. Pemilihan tema tersebut bertujuan supaya pelajar mendapat gambaran yang lebih dekat dengan persekitaran mereka dan dapat memudahkan pelajar untuk mengaplikasikan pembelajaran di luar kelas.

3. Aktiviti

Penyusunan aktiviti dalam MLA1 telah mengaplikasikan cadangan aktiviti dan strategi bahasa secara komunikatif mengikut kerangka CEFR. Rajah 2 membentangkan aktiviti dan strategi bahasa secara komunikatif mengikut kerangka CEFR.



RAJAH 2. Aktiviti dan strategi bahasa secara komunikatif (secara keseluruhan bagi CEFR A1)

Sumber: Council of Europe (2001)

Dari segi pembahagian subtopik dalam MLA1, penyesuaian berdasarkan cadangan skala tersebut dapat dilihat dari penyusunan kemahiran bahasa. Secara keseluruhannya, terdapat dua aktiviti dan strategi bahasa secara komunikatif yang menjadi rujukan kepada pembahagian tersebut iaitu susunan aktiviti dan strategi produktif dan susunan aktiviti dan strategi reseptif. Namun, subtopik dalam MLA1 tidak disusun berdasarkan susunan asal iaitu susunan aktiviti dan strategi produktif yang merangkumi kemahiran bertutur dan kemahiran menulis serta susunan aktiviti dan strategi reseptif yang merangkumi kemahiran mendengar dan kemahiran membaca. Walaubagaimanapun, penyusunan yang dilaksanakan dalam MLA1 masih lagi merangkumi keempat-empat kemahiran bahasa tersebut. Subtopik dalam MLA1 disusun bermula dengan pendahuluan, kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan diakhiri dengan tatabahasa umum.

Jadual 3 menunjukkan perbandingan antara pelaksanaan aktiviti dalam MLA1 dengan cadangan skala aktiviti dan strategi bahasa secara komunikatif. Penerangan pelaksanaan kerangka CEFR bagi setiap bahagian adalah seperti berikut:

JADUAL 3 Pelaksanaan kerangka CEFR A1 dalam MLA1 berdasarkan cadangan aktiviti dan strategi bahasa secara komunikatif

Kerangka CEFR A1	Kandungan dalam MLA1
Al-Tamhid (Pengenalan)	
	Bahagian ini mengandungi pengenalan terhadap kosa kata dan frasa yang berkaitan dengan topik. Susunan aktiviti dan latihan dalam bahagian ini adalah seperti berikut; - Aktiviti mendengar dan mengulang sebutan perkataan. - Aktiviti mendengar dan mengulang sebutan perkataan sambil melihat gambar. - Latihan pengukuhan terhadap kosa kata dan frasa yang dipelajari.
• Bahagian ini merupakan bahagian tambahan yang memuatkan aktiviti pengenalan bagi setiap kemahiran bahasa.	
Maharat al-Istima^c (Kemahiran Mendengar)	
• Kemahiran mendengar (<i>aural reception</i>) - Pemahaman melalui pendengaran: <i>"Can follow speech which is very slow and carefully articulated, with long pauses for him/her to assimilate meaning"</i>.	Bahagian ini mengandungi aktiviti dan latihan pengukuhan kemahiran mendengar seperti berikut; - Aktiviti mendengar dan memahami dialog, kemudian melakukan semula bersama rakan. - Latihan mendengar dan menjawab soalan-soalan yang diberikan berpandukan arahan. - Setiap aktiviti dan latihan kemahiran mendengar mempunyai QR Code yang perlu diimbas untuk mendengar rakaman audio.
• Aktiviti dalam MLA1 disesuaikan berdasarkan cadangan skala tersebut melalui aktiviti sebutan perkataan, pemilihan perkataan yang mudah, pembentukan ayat dan audio yang dirakam secara perlahan dan jelas untuk peringkat pembelajaran permulaan tahap A1.	
Maharat al-Muhadathah (Kemahiran Bertutur)	
• Kemahiran bertutur (<i>oral production</i>) - Penghasilan melalui lisan: <i>"Can produce simple mainly isolated phrases about people and places"</i>.	Bahagian ini mengandungi aktiviti dan latihan pengukuhan kemahiran berkomunikasi seperti berikut; - Aktiviti melakukan dialog bersama guru dan rakan. - Aktiviti soal jawab menggunakan frasa-frasa pendek dan mudah bersama guru dan rakan. - Aktiviti lakonan dengan mengguna pakai semula frasa-frasa pendek yang dipelajari mengikut kreativiti pelajar.
• Penyesuaian dapat dilihat melalui pemilihan perkataan yang sering digunakan dalam perbualan harian berdasarkan sesuatu topik dan juga pembentukan frasa ringkas dalam sesuatu perbualan.	
Maharat al-Qira'ah (Kemahiran Membaca)	
• Kemahiran membaca (<i>visual reception</i>) - Pemahaman melalui pembacaan: <i>"Can understand very short, simple texts a single phrase at a time, picking up familiar names, words and basic phrases and reading as required"</i>.	Bahagian ini mengandungi aktiviti dan latihan pengukuhan kemahiran membaca seperti berikut; - Aktiviti menyebut perkataan dan memahaminya berdasarkan gambar berserta latihan. - Aktiviti membaca ayat pendek dan memahaminya berdasarkan gambar berserta latihan. - Aktiviti membaca dialog atau teks pendek terpilih berserta latihan.

- Kesemua aktiviti pembacaan menggunakan perkataan dan ayat yang mudah berkaitan dengan sesuatu topik. Aktiviti-aktiviti tersebut menumpukan kepada aspek pembacaan dan aspek pemahaman terhadap sesuatu bahan yang dibaca.

Maharat al-Kitabah (Kemahiran Menulis)

- Kemahiran menulis (*written production*) Bahagian ini mengandungi aktiviti dan latihan pengukuhan kemahiran menulis seperti berikut;
 - Aktiviti menyalin huruf dan perkataan.
 - Aktiviti menyalin teks dan dialog pendek.
 - Latihan menulis ayat dengan menggunakan kata semula perkataan dan frasa yang dipelajari.
 - Latihan pengukuhan dan kefahaman.
- Penghasilan melalui penulisan: “*Can write simple isolated phrases and sentences*”.
- Penyesuaian dapat dilihat secara tidak langsung pada aktiviti penulisan ayat yang terdiri daripada frasa dan ayat ringkas.

Al-Qawa'id al-'Amah (Rumusan Kaedah Bahasa)

- Bahagian ini mengandungi aktiviti dan latihan pengukuhan kemahiran menulis seperti berikut;
 - Rumusan kaedah bahasa yang diterapkan di dalam topik secara umum.

Contoh dan latihan yang diselitkan dalam bahagian ini menggunakan kata semula perkataan dan frasa yang dipelajari di bahagian sebelumnya.
- Bahagian ini memuatkan frasa-frasa ringkas yang mengandungi kaedah tata bahasa Arab tertentu. Namun, kaedah tersebut tidak dinyatakan secara langsung. Bahagian ini dilihat dapat membantu pelajar untuk mengaplikasikan empat kemahiran tersebut dalam perbualan harian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis kandungan yang telah dijalankan, terdapat tiga aspek penting dalam MLA1 yang menunjukkan kesepadanan dengan kerangka CEFR A1, iaitu; i) hasil pembelajaran, ii) pemilihan topik, serta iii) aktiviti dan latihan.

Hasil pembelajaran modul MLA1 mempunyai persamaan konsep dengan kerangka CEFR A1 global. Pemilihan topik pula terdiri daripada topik-topik yang menjadi kebiasaan dalam kehidupan harian. Modul ini mengandungi 7 topik yang dibahagikan kepada 6 kerangka pembelajaran yang bertumpu kepada empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kerangka pembelajaran tersebut merupakan penyesuaian dengan olahan daripada cadangan aktiviti dan strategi bahasa secara komunikatif (secara keseluruhan) bagi CEFR A1. Cadangan skala yang melibatkan empat kemahiran tersebut terbahagi kepada aktiviti dan strategi produktif yang merangkumi kemahiran bertutur dan menulis serta aktiviti dan strategi reseptif yang merangkumi kemahiran mendengar dan membaca. Walaupun MLA1 tidak disusun berdasarkan aktiviti dan strategi produktif dan reseptif tersebut, namun, MLA1 masih lagi menumpukan kepada keempat-empat kemahiran tersebut dengan susunan yang telah diolah.

Di samping itu, pemeringkatan pada setiap aktiviti dapat dilihat berdasarkan topik iaitu dari turutan topik 1 hingga 7. Pembentukan dialog mempunyai pemeringkatan dari segi panjang sesebuah dialog. Dialog yang diletakkan di dalam topik 7 dilihat lebih panjang berbanding topik-topik awal. Dari segi pemilihan aktiviti pada setiap bahagian pula, MLA1 lebih menekankan kepada aktiviti yang disesuaikan dengan tahap CEFR A1, iaitu; i) pemilihan latihan yang mudah, ii) menekankan aspek pengulangan, dan iii) pemahaman perkataan dan frasa mudah. Modul MLA1 juga banyak memuatkan ilustrasi gambar dan audio sebagai bantuan kepada pembelajaran bahasa peringkat awal. Kesemua penekanan tersebut disesuaikan untuk sasaran pengguna dan pelajar bahasa Arab pada peringkat permulaan.

KESIMPULAN

Penghasilan setiap bahan pengajaran bagi bidang bahasa sudah tentu mempunyai perbezaan antara satu sama lain dari pelbagai sudut. Kerangka CEFR boleh dijadikan sebagai panduan standard kepada penghasilan sesuatu bahan pengajaran secara umum untuk memastikan tahap kandungan bahan pengajaran tersebut sesuai dengan sasaran pembaca yang berbeza. Buku *Marhaban al-Lughah al-‘Arabiyyah 1* dihasilkan berpandukan kerangka CEFR A1 yang menekankan kepada empat kemahiran bahasa utama. Pelaksanaan konsep kerangka tersebut bukan sahaja dapat membantu pelajar mengenal pasti tahap penguasaan sesuatu bahasa, malah memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran dijalankan serta memudahkan proses pengukuran tahap penguasaan bahasa apabila memasuki alam pekerjaan. Dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan bagi pendidik untuk merancang pengajaran berdasarkan kerangka CEFR untuk pelbagai peringkat. Kajian ini turut menyediakan asas bagi kajian lanjutan terhadap keberkesanan penggunaan bahan pengajaran CEFR untuk pelbagai peringkat pendidikan.

RUJUKAN

- Council of Europe. (2001). *Common European Framework of Reference for Languages: Learning, Teaching, Assessment*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Dedi Eko Riyadi Hs. (2020). Metode Common European Framework of Reference for Language (CEFR) dalam pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa Arab* 1(1), 42-59.
- Habibur Rohman & Faiq Ilham Rosyadi. (2021). Pengembangan bahan ajar Arab berbasis Common European Framework of Reference (CEFR) untuk meningkatkan keterampilan bahasa Arab siswa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab* 7(2), 163-183.
- Hawa Alias & Muhammad Hafizzudin Zakaria. (2021). *Marhaban al-Lughah al-‘Arabiyyah 1*. Kuala Kangsar: USAS Press.
- Ibrahim Yousef Hammad Odeh, Januddin Sardi Mohd Yusop, Mohd Akashah Mohamad Yusof, Lutfi Hassan & Iman Ahmad Haridy. (2025). A proposed curriculum for teaching Arabic as a third language based on the Common European Framework of Reference CEFR at Mara University of Technology. *IJAZ ARABI: Journal of Arabic Learning* 8(2), 778-789.
- Al-Jarf, R. S. & Mingazova, N. G. (2020). Evaluation of Arabic language teaching textbooks used in Russia in the light of the CEFR criteria. Proceedings VI International Forum on Teacher Education, 27 Mei – 09 Jun, Kazan Federal University, Russia.
- North, B. (2006). The Common European Framework of Reference: Development, Theoretical and Practical Issues, Kertas kerja Simposium A New Direction in Foreign Language Education: The Potential of the Common European Framework of Reference for Languages, Mac, Osaka University of Foreign Studies, Jepun.
- Nurul Iza Salsabila Che Rani & Kaseh Abu Bakar. (2021). Kaedah menilai kecekapan kemahiran membaca bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(1), 158-170.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. (2013). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rahimah Abd Rahman, Hawa Alias, Muhammad Hafizzudin Zakaria & Nurul Wardah Nazifah Razali. (2024). Pembangunan dan kebolegunaan modul bahasa Arab “Marhaban” berteraskan CEFR (tahap A1 & A2). *SIBAWAYH Arabic Language and Education* 5(2), 55-69.
- Soliman, Rasha. (2017). The Implementation of the Common European Framework of Reference for the Teaching and Learning of Arabic as a Second Language in Higher Education. In Wahba, K. M., England, L. & Taha, Z. A. (Eds.). *Handbook for Arabic Language Teaching Professionals in the 21st Century*, (pp 118-137). New York: Routledge.

Talqis Nurdianto, Madya & Noor Azizi Ismail. (2020). Pembelajaran bahasa Arab berbasis Common European Framework of Reference for Language (CEFR) di Indonesia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab* 6(1), 1-22.

LAMPIRAN




Muka hadapan buku.




الوحدة الأولى	الوحدة الثانية	الوحدة الثالثة	الوحدة الرابعة	الوحدة الخامسة	الوحدة السادسة	الوحدة السابعة
١	٢٠-٢٣	٢٤-٢٦	٢٧-٢٩	٣٠-٣٢	٣٣-٣٥	٣٦-٣٨


Senarai tujuh topik.



Enam kerangka pembelajaran pada setiap topik.




Bahagian 1: *Al-Tamhid* (Pengenalan)




Bahagian 2: *Maharat al-Istima'* (Kemahiran Mendengar)




Bahagian 3: *Maharat al-Muhadathah* (Kemahiran Bertutur)



Bahagian 4: *Maharat al-Qira'ah* (Kemahiran Membaca)



Bahagian 5: *Maharat al-Kitabah* (Kemahiran Menulis)



Bahagian 6: *Al-Qawa'id al-'Amah* (Rumusan Kaedah Bahasa)